



PEJABAT PERDANA MENTERI
UNIT TRANSFORMASI MASYARAKAT INDIA MALAYSIA

Aras 4, Setia Perkasa 5, Kompleks Setia Perkasa
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Wilayah Persekutuan Putrajaya, Malaysia
No. Tel: 03-8886 6221, E-mel: infomitra.mitra.gov.my

MITRA.100-9/1/1 (42)

**KENYATAAN MEDIA
PEMAKLUMAN PELANJUTAN PERMOHONAN
PROGRAM BANTUAN AWAL KEMASUKAN IPT MITRA TAHUN 2025**

PUTRAJAYA, 14 NOVEMBER 2025 – Adalah dimaklumkan bahawa permohonan bagi **Program Bantuan Awal Kemasukan IPT MITRA (IPT 5.0 MITRA) Tahun 2025 akan dilanjutkan mulai 17 November 2025 (Isnin), jam 9.00 pagi hingga 30 November 2025 (Ahad), jam 6.00 petang.**

Semua pelajar Tahun 1 (**Pendaftaran pengajian bagi sesi akademik 2025/2026**) di seluruh Malaysia yang masih belum membuat permohonan adalah dijemput untuk mengemukakan permohonan melalui pautan google form <https://forms.gle/e3c2oqXCDuW7Dz827>.

Sejak pembukaan permohonan ini, MITRA telah menerima banyak pertanyaan daripada pelajar berhubung tatacara dan dokumen sokongan yang perlu dikemukakan. Sehubungan dengan itu, MITRA menasihatkan semua pemohon untuk merujuk dengan teliti kepada **Garis Panduan Permohonan Program Bantuan Awal Kemasukan IPT MITRA TAHUN 2025** yang disediakan di pautan <https://shorturl.at/mw7ID> sebelum menghantar permohonan.

Bagi memudahkan rujukan dan menjawab pertanyaan umum daripada pemohon, MITRA turut menyertakan **Soalan Lazim (FAQ)** rasmi seperti yang berikut:

1. Di manakah pemohon boleh memperoleh borang permohonan ini?

Borang permohonan boleh diperoleh melalui laman sesawang rasmi MITRA atau pautan yang berikut:

 www.mitra.gov.my/ms/

 <https://forms.gle/ggYGAjPZdLY4veVN7>

2. Bolehkah pemohon mengemas kini borang permohonan sekiranya terdapat kesalahan?

Pemohon tidak dapat membuat pengemaskinian dalam borang permohonan yang telah dihantar disebabkan permohonan adalah secara dalam talian menggunakan *google forms*. Walaubagaimanapun MITRA akan menghubungi pemohon sekiranya memerlukan maklumat tambahan.

3. Apakah yang dimaksudkan dengan Dokumen B40?

Dokumen B40 ialah dokumen bagi bantuan kerajaan yang diberikan kepada golongan isi rumah berpendapatan rendah di Malaysia. Antara dokumen yang diterima adalah Sumbangan Tunai Rahmah (STR), PeKa B40, eKasih, dan MySalam.

4. Bolehkah pemohon menghantar borang permohonan secara manual?

Semua permohonan hendaklah dihantar secara dalam talian sahaja.

5. Bolehkah pemohon mengemukakan surat pengesahan daripada Universiti/ Kolej/ Politeknik/ Pusat Bertauliah?

Pemohon boleh mengemukakan surat pengesahan daripada Universiti/ Kolej/ Politeknik/ Pusat Bertauliah sendiri selain daripada format surat pengesahan yang disediakan oleh MITRA. Maklumat yang dikemukakan perlu selaras dengan kandungan surat pengesahan MITRA.

6. Bolehkah pemohon meminta akses editor bagi surat pengesahan Universiti/ Kolej/ Politeknik/ Pusat Bertauliah yang disediakan oleh MITRA?

Surat pengesahan boleh dimuat turun oleh pemohon melalui Google Drive Bantuan IPT MITRA 5.0. Pemohon boleh dan perlu mengisi serta mengemaskini surat tersebut dengan maklumat yang lengkap sebelum memuat naik dalam borang permohonan.

7. Apakah yang dimaksudkan dengan Surat Akuan Pengesahan Penjaga?

Surat akuan pengesahan ini hanya untuk pemohon yang tidak mempunyai ibu bapa dan dijaga oleh penjaga atau waris keluarga sahaja dan perlu mendapatkan pengesahan daripada Pesuruhjaya Sumpah.

8. Adakah wajib bagi pemohon membuka akaun Bank Simpanan Nasional (BSN)?

Pembukaan akaun BSN tidak diwajibkan dan pemohon boleh mengemukakan maklumat mana-mana akaun bank konvensional tempatan milik sendiri (kecuali bank digital).

9. Adakah pemohon akan menerima sebarang maklum balas daripada MITRA selepas menghantar borang permohonan?

MITRA hanya akan memaparkan senarai nama pemohon yang layak menerima bantuan ini di portal rasmi MITRA selepas proses saringan selesai dilaksanakan.

MITRA menggalakkan semua pemohon untuk membaca dan memahami garis panduan serta FAQ sebelum menghantar permohonan bagi mengelakkan sebarang kesilapan yang menjurus kepada penolakan permohonan.

Maklumat permohonan juga boleh didapati di laman sesawang rasmi MITRA (www.mitra.gov.my) serta platform media sosial rasmi MITRA (Facebook).

-TAMAT-